

Notis Privasi

Notis privasi ini menyatakan bagaimana **MobilityOne Sdn Bhd** (“**Syarikat**” atau “**kami**” atau “**kita**”), mengumpul, mengguna, mengendali, dan menzahir Maklumat Peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Definisi Maklumat Peribadi

“Maklumat Peribadi” merujuk kepada sebarang maklumat yang berhubung secara langsung atau tidak langsung berkenaan dengan anda dan/atau transaksi anda dengan kami. Ia termasuk sebarang maklumat yang boleh digunakan untuk mendapat nama, mengenal pasti atau menghubungi anda.

Bahasa Notis Privasi

Notis Privasi ini mempunyai versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Tujuan kami

Kami percaya bahawa Notis Privasi ini akan membantu anda untuk memahami termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:

- Jenis Maklumat Peribadi yang kami kumpul;
- Bagaimana kami kumpul Maklumat Peribadi anda;
- Bagaimana kami guna Maklumat Peribadi anda;
- Kepada siapa kami zahir Maklumat Peribadi anda; dan
- Hak anda untuk mengakses dan mengemas kini Maklumat Peribadi anda.

Komitmen kami

Keselamatan Maklumat Peribadi anda sangat penting kepada kita. Kami komited untuk melindungi Maklumat Peribadi anda dan memastikan bahawa Maklumat Peribadi anda akan digunakan bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di sini.

Apabila anda melanggan produk dan/atau perkhidmatan kami, membeli mana-mana produk dan/atau perkhidmatan pihak ketiga yang kami edarkan, anda mungkin dikehendaki untuk memberi Maklumat Peribadi anda kepada kami. Dengan berbuat demikian, anda bersetuju dengan penggunaan Maklumat Peribadi anda oleh kami selaras dengan Notis Privasi ini.

Jenis Maklumat Peribadi yang kami kumpul:

Jenis Maklumat Peribadi yang kami kumpul termasuk tetapi tidak terhad kepada seperti berikut:

- maklumat perhubungan anda, seperti nama, kaum, alamat, butiran kad pengenalan, butiran passport, butiran pekerjaan, butiran akaun bank, gaji, punca dana dan lain-lain maklumat perhubungan yang berkenaan;
- maklumat perhubungan orang lain yang privi kepada transaksi anda;
- maklumat berkaitan dengan sejarah transaksi anda dengan kami; dan
- maklumat yang perlu dikumpul bagi mematuhi Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang terpakai dari semasa ke semasa.

Bagaimana kami mengumpul Maklumat Peribadi anda

Kami mengumpul Maklumat Peribadi anda bertujuan untuk beroperasi secara efisien dan menawarkan pengalaman pelanggan yang terbaik berkenaan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami. Kami mungkin mengumpul Maklumat Peribadi anda daripada diri anda dan daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- melalui maklumat yang anda beri dalam borang permohonan semasa anda melanggan produk atau perkhidmatan kami, semasa mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, pertandingan dan promosi, dan semasa kajian semula kewangan;
- melalui pertanyaan anda untuk maklumat lanjut berkenaan dengan suatu produk atau perkhidmatan kami (menerusi komunikasi lisan dan/atau bertulis);
- menerusi komunikasi lisan, bertulis dan e-mel anda dengan kami dan/atau ejen kami yang diberi kuasa;
- daripada analisis cara anda menggunakan dan mengurus akaun anda dengan kami, daripada transaksi yang anda buat dan daripada pembayaran yang di buat ke akaun anda;
- daripada pihak ketiga seperti pembekal maklumat rujukan kredit, agensi kerajaan/berkanun; dan/atau;
- daripada sumber-sumber lain yang anda telah beri persetujuan untuk menzahirkan Maklumat Peribadi anda dan/atau daripada sumber-sumber lain yang tidak dihadkan.

Bagaimana kami menggunakan Maklumat Peribadi anda

Kami mungkin guna Maklumat Peribadi anda untuk suatu tujuan atau tujuan-tujuan berikut:

- untuk memproses pesanan atau permohonan anda berkenaan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami, dan juga bagi tujuan kemas kini status pesanan atau permohonan anda;
- untuk tujuan pengenalpastian dan pengesahan;
- untuk memastikan transaksi anda diselesaikan;
- untuk memaklumkan anda mengenai produk dan perkhidmatan kami;
- untuk memberi perkhidmatan pelanggan kepada anda;
- untuk memberi maklum balas kepada sebarang pertanyaan atau aduan yang mungkin anda ada mengenai produk atau perkhidmatan kami;
- untuk digunakan dalam transaksi masa depan anda dengan kami;
- untuk mengendalikan siasatan berkenaan dengan penipuan dan anti pengubahan wang haram; untuk pengesahan jenayah, penyiasatan, pencegahan dan pendakwaan; untuk mematuhi apa-apa kehendak sekatan-sekatan;
- Untuk menjalankan penyelidikan untuk tujuan analisis termasuk tetapi tidak terhad kepada perlombongan data dan analisis transaksi anda dengan kami;
- Untuk tujuan audit, pematuhan undang-undang dan pengurusan risiko; and
- Untuk sebarang tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan / atau pengawal selia yang berkenaan.

Kepada siapa kami zahir Maklumat Peribadi anda

Kami mungkin perlu menzahir Maklumat Peribadi anda kepada golongan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak ketiga berikut:

- syarikat dan/atau organisasi yang menjadi agen, rakan kongsi, penyedia perkhidmatan, dan/atau penasihat profesional kami, dan pihak lain sebagaimana perlu untuk mematuhi sebarang keperluan undang-undang dan peraturan;
- institusi-institusi kewangan yang membantu kami untuk memproses dan/atau menyelesaikan transaksi yang anda minta;
- rakan kongsi kami dan pihak-pihak lain yang mengumpul Maklumat Peribadi anda bagi tujuan berkenaan;

- pihak di mana kami dikehendaki untuk menzahirkan Maklumat Peribadi anda menurut keperluan undang-undang atau sebarang perintah mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa;
- pihak di mana anda telah memberi persetujuan tersebut samada secara nyata atau tersirat; dan/atau
- bakal pemilik baru kami (jika ada) di mana, kami akan menghendaki mereka mengamalkan dasar yang serupa untuk melindungi Maklumat Peribadi anda, dan tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang terpakai.

Kami mungkin guna Maklumat Peribadi anda untuk memberi informasi berkenaan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami atau pihak ketiga, yang mungkin anda minat atau akan memberi manfaat kepada anda, kecuali jika diminta untuk tidak membuat deminkian oleh anda.

Dalam keadaan tertentu, kami mungkin akan menzahir Maklumat Peribadi anda yang berkaitan kepada rakan kongsi pilihan kami di mana persetujuan anda telah diperolehi tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang berkaitan dengan kami. Kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa perjanjian kami dengan penyedia perkhidmatan mempunyai kewajiban privasi dan kerahsiaan yang sesuai.

Sekiranya anda tidak mahu Maklumat Peribadi anda digunakan untuk tujuan pemasaran atau sekiranya anda berubah fikiran berhubung dengan keputusan anda sebelum ini, sila hubungi kami. Kami akan mematuhi segala arahan bertulis terkini oleh anda.

Keselamatan Maklumat Peribadi anda

Kami mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan bahawa Maklumat Peribadi anda dilindungi daripada akses tanpa kebenaran, kehilangan dengan tidak sengaja, penyalahgunaan, pengubahaui, pendedahan atau kemusnahan Maklumat Peribadi anda. Walau bagaimanapun, kami tidak boleh menjamin atau menjamin keselamatan Maklumat Peribadi yang kami hantar dalam talian, dan tidak bertanggungjawab terhadap pengubahan, penyekatan atau penyalahgunaan Maklumat Peribadi yang dihantar melalui Internet.

Penyimpanan Maklumat Peribadi anda

Kami akan menyimpan Maklumat Peribadi anda mengikut Notis Privasi ini untuk tempoh yang diperlukan untuk melindungi kepentingan kami, dan/atau sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Maklumat Peribadi yang tidak lengkap

Jika dinyatakan (sebagai contoh dalam borang pendaftaran), adalah wajib bagi anda untuk memberi Maklumat Peribadi anda kepada kami untuk membolehkan kami proses permohonan anda untuk melanggan perkhidmatan dan/atau produk kami. Sekiranya anda gagal untuk memberi Maklumat Peribadi anda yang wajib diberikan, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda atau menyediakan perkhidmatan atau produk kami.

Hak anda untuk mengakses dan membetulkan Maklumat Peribadi

Di mana anda ingin akses Maklumat Peribadi anda, atau jika anda berpendapat bahawa Maklumat Peribadi anda yang dipegang oleh kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau jika relevan, tidak terkini, anda boleh membuat permintaan kepada kami untuk mengemas kini Maklumat Peribadi anda melalui Borang Data Peribadi kami. Borang tersebut boleh didapati di cawangan kami.

Kami akan menggunakan segala usaha yang munasabah untuk memenuhi permintaan anda untuk mengakses atau membetulkan Maklumat Peribadi anda dalam tempoh 21 hari selepas kami terima

Borang Data Peribadi yang lengkap dan anda telah membuat bayaran pemprosesan yang penuh (jika ada).

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin perlu menolak permintaan anda untuk mengakses Maklumat Peribadi anda dalam situasi tertentu, contohnya apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda atau di mana maklumat yang diminta adalah bersifat komersil sulit atau sekiranya kami menerima permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda tentang sebab-sebab kami tidak dapat memenuhi permintaan anda.

Pemindahan Maklumat Peribadi Anda

Sesetengah atau semua Maklumat Peribadi yang anda berikan kepada kami mungkin perlu dipindahkan ke luar Malaysia untuk memproses transaksi penghantaran wang anda. Peraturan yang ketat mengenai kerahsiaan dan keselamatan Maklumat Peribadi disediakan untuk melindunginya. Kami boleh memindah Maklumat Peribadi anda ke pangkalan data kami di luar negara domisili anda, serta kepada pihak ketiga, seperti institusi kewangan di luar Malaysia, kemungkinan termasuk negara yang mungkin tidak mempunyai "perlindungan tahap yang mencukupi" untuk Maklumat Peribadi anda berbanding dengan negara anda, akan tetapi kami akan menggunakan usaha terbaik kami untuk melindungi Maklumat Peribadi anda.

Semakan dan Pengubahsuaian Notis Privasi

Kami mungkin akan menyemak dan/atau mengubahsuaikan Polisi Privasi ini dari semasa ke semasa. Versi yang dikemaskini akan digunakan dan akan menggantikan sebarang dan semua versi terdahulu, dalam bentuk termasuk tetapi tidak terhad kepada, buku kecil, risalah atau versi salinan keras. Dengan terus melanggan produk dan/atau perkhidmatan kami selepas pemberitahuan semakan dan/atau pengubahsuaian tersebut, anda menerima dan bersetuju dengan semakan dan/atau pengubahsuaian tersebut. Sila layari laman web ini untuk mendapat maklumat mengenai Notis Privasi terkini kami.

Butiran Hubungan Kami

Jika anda mempunyai sebarang permintaan, pertanyaan atau maklum balas berkenaan dengan Notis Privasi ini, sila hubungi kami semasa waktu bekerja (9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) di

Untuk Perhatian: Pusat Perkhidmatan Pelanggan
Telefon: +603-8992 0700
E-mel: CCC@mobilityone.com.my
Alamat: Unit 6-2A-1 Wisma LMS
No.6 Jalan Abdul Rahman Idris
Kampung Baru
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Berkuatkuasa mulai November 2020